



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
PENJELASAN BERHUBUNG PROGRAM LATIHAN
KEPAKARAN LANJUTAN KKM (TAWARAN C) SESI
2026/2027

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum pandangan dan rayuan yang dikemukakan berhubung keputusan Program Latihan Kepakaran Lanjutan KKM (Tawaran C) Sesi 2026/2027.

KKM ingin menegaskan bahawa proses pemilihan bagi program ini dilaksanakan secara berstruktur, telus dan berasaskan merit melalui saringan syarat umum, penilaian profesional serta penilaian teknikal oleh bidang kepakaran masing-masing sebelum diperakukan oleh Jawatankuasa Induk Program Latihan Kepakaran Lanjutan KKM.

Bagi sesi 2026/2027, sebanyak 672 permohonan telah diterima melibatkan Program Subkepakaran Perubatan, Subkepakaran Pergigian, Area of Special Interest (AOSI) Pergigian, Kesihatan Awam dan Kesihatan Keluarga. Daripada jumlah tersebut, KKM telah memperuntukkan sebanyak 400 slot latihan dan setakat ini seramai 307 calon telah ditawarkan mengikuti program berkenaan setelah memenuhi syarat umum, syarat khusus bidang serta penilaian profesional yang ditetapkan.

KKM juga ingin menjelaskan bahawa syarat berkaitan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) bukan ditetapkan secara unilateral oleh KKM atau Bahagian Pengurusan Latihan (BPL). Melalui MyPPSM Ceraian SR.5.1.8 bertarikh 18 Disember 2025 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026, kuasa berkaitan dasar penilaian prestasi perkhidmatan awam termasuk LNPT kekal berada di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku agensi pusat. Oleh itu, KKM bertanggungjawab melaksanakan syarat dan ketetapan yang diputuskan oleh JPA. Namun demikian, berdasarkan sesi perbincangan dengan JPA, telah dipersetujui bahawa penilaian prestasi disediakan bagi tempoh Pengalaman Kerja Yang Diselia/Supervised Work Experience (SWE) oleh Pegawai Perubatan Pakar sebagai tambahan kepada 2 tahun penilaian prestasi selepas pewartaan. Penilaian dalam tempoh SWE adalah tidak tertakluk kepada syarat genap 12 bulan kalendar seperti yang dinyatakan dalam Ceraian SR 5.1.8 Kemudahan Cuti Belajar Dan Biasiswa Dalam Perkhidmatan Awam. Penggunaan LNPT atau mana-mana instrumen prestasi yang berkuatkuasa dalam tempoh SWE boleh dilaksanakan. Penilaian ini hendaklah diambil kira bagi tujuan permohonan Latihan Kepakaran Lanjutan sahaja dan tidak digunakan bagi urusan-urusan perkhidmatan lain.

Pada masa yang sama, KKM mengambil maklum bahawa sebelum ini terdapat amalan yang membenarkan pemohon mengemukakan tiga (3) LNPT terbaik dalam tempoh lima (5) tahun bagi tujuan permohonan program kepakaran dan subkepakaran. Walau bagaimanapun, pendekatan tersebut telah dibangkitkan oleh JPA kerana tidak selaras dengan prinsip penilaian prestasi secara berterusan dan berpotensi mewujudkan ketidakseragaman pelaksanaan. Sehubungan itu, KKM

telah menyelaraskan pelaksanaan syarat LNPT selaras dengan ketetapan semasa JPA.

Berhubung dengan rayuan yang melibatkan 123 pemohon, semakan silang yang dilaksanakan oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) dan Bahagian Perkembangan Perubatan (BPP) mendapati bahawa kumpulan tersebut tidak terdiri daripada satu kategori yang seragam. Daripada 123 nama yang dikemukakan, hanya 20 orang dikenal pasti berada dalam kumpulan 50 calon yang sedang disemak semula susulan keputusan JPA bertarikh 19 Jun 2026. Daripada jumlah tersebut, hanya 8 orang memenuhi ketetapan terkini JPA untuk dipertimbangkan melalui pengambilan kira penilaian prestasi dalam tempoh Supervised Work Experience (SWE). Baki 115 orang didapati tidak memenuhi syarat umum dan/atau syarat khusus yang ditetapkan oleh bidang kepakaran masing-masing. Sehubungan itu, adalah tidak tepat untuk menggambarkan bahawa kesemua 123 pemohon tersebut merupakan calon yang layak tetapi gagal ditawarkan hanya kerana isu LNPT.

KKM juga ingin menjelaskan bahawa terdapat perbezaan pelaksanaan latihan antara Program Sarjana dan Program Parallel Pathway yang telah berkembang mengikut dasar dan kaedah pelaksanaan semasa. Sebelum pengurusan Program Parallel Pathway diselaraskan sepenuhnya oleh Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) mulai tahun 2023, pelaksanaan program tersebut adalah berbeza mengikut bidang, program dan fasiliti latihan masing-masing. Dalam tempoh tersebut, kebanyakan pegawai yang mengikuti Program Parallel Pathway masih berada dalam jawatan hakiki dan terus menjalankan tugas perkhidmatan di fasiliti kesihatan KKM, sekali gus membolehkan mereka memperoleh LNPT sepanjang tempoh latihan.

Sebaliknya, pegawai yang mengikuti Program Sarjana di bawah kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (CBBP Dengan HLP) lazimnya tidak mempunyai LNPT kerana berada dalam status cuti belajar yang diluluskan dan tertakluk kepada mekanisme penilaian akademik serta profesional yang berbeza. Selain itu, terdapat juga pegawai yang mengikuti latihan melalui Program Parallel Pathway yang ditempatkan dalam Jawatan Simpanan Latihan (JSL) atau sedang menunggu penempatan ke JSL, yang menyebabkan pelaksanaan penilaian prestasi tidak dilaksanakan secara seragam di semua fasiliti dan Pusat Tanggungjawab (PTJ).

KKM mengakui bahawa perkara ini mempunyai merit untuk diteliti dengan lebih lanjut. KKM sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) serta pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menambah baik dan memperhalusi mekanisme penilaian prestasi yang lebih jelas, seragam dan setara.

Usaha ini penting bagi memastikan peluang mengikuti Program Latihan Kepakaran Lanjutan dapat dinilai secara adil berdasarkan syarat yang ditetapkan, mengambil kira kepelbagaian laluan latihan kepakaran yang wujud serta memastikan pembangunan Subkepakaran negara dapat dilaksanakan secara mampan tanpa mengabaikan keperluan perkhidmatan dan kesinambungan penyampaian penjagaan kesihatan kepada rakyat.

KKM menghormati hak mana-mana pihak untuk mengemukakan pandangan dan cadangan penambahbaikan. Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai isu ini perlu dibuat berdasarkan fakta yang lengkap, dasar yang berkuat kuasa dan punca kuasa yang sebenar agar tidak menimbulkan kekeliruan kepada pegawai serta masyarakat umum.

KKM kekal komited untuk memastikan proses pemilihan Program Latihan Kepakaran Lanjutan dilaksanakan secara telus, berintegriti, berasaskan merit dan memenuhi keperluan perkhidmatan kesihatan negara.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

20 JUN 2026

